

**NO. SOALAN: 29**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI [ BAGAN  
SERAI ]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9389**

**SOALAN:**

**DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI [ BAGAN SERAI ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dasar dadah yang memenjarakan golongan penagih sudah begitu lama dan ternyata gagal. Satu projek perintis di Besut yang menidakkan pemenjaraan, ternyata lebih berkesan dari Puspen. Apakah projek perintis ini akan diperluaskan lagi dan diterapkan dalam dasar dadah Negara.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melaksanakan pendekatan konsep “*open access service*” di negara ini dalam program rawatan dan pemulihan penyalahgunaan dadah. Pendekatan ini lebih bersifat *humanistic* serta mengetengahkan proses rawatan dan pemulihan dan bukannya bersifat menghukum atau pemenjaraan.**

**Perkhidmatan yang disediakan adalah secara dual polisi iaitu menggunakan pendekatan *Cure & Care* seperti berikut :**

- a. Secara sukarela di Klinik *Cure & Care* 1Malaysia yang menekankan proses kemasukan dan penyediaan perkhidmatan secara sukarela mengikut keperluan kepulihan klien. Selain itu, program komuniti yang berteraskan kepada kaedah yang sama juga dilaksanakan di *Cure and Care Service Centre (CCSC)* dan *Caring Community House (CCH)*.**

- b. Secara perundangan di *Cure & Care Rehabilitation Centre* (CCRC) bagi mereka yang enggan mengikuti program rawatan dan pemulihan secara sukarela di mana individu ini akan ditangkap untuk diberikan rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan.**

**Pendekatan rawatan dan pemulihan yang telah dijalankan oleh AADK kini adalah berbentuk holistik dan mengandungi tiga elemen utama iaitu psikososial, kesihatan dan perubatan serta kemahiran vokasional. Pendekatan ini banyak membantu bekas penagih dari aspek perubahan tingkah laku dan kefahaman mereka terhadap kesan dadah serta mendapat kemahiran untuk bekerja apabila bebas kelak.**

**Pendekatan yang diambil oleh AADK ini adalah bagi mengelakkan peningkatan bilangan penagih yang lebih ramai dan berpotensi menjadi penagih tegar.**

**Projek Perintis Besut dilancarkan pada Februari 2016 dan berakhir pada Ogos 2016 yang lepas. Projek selama 6 bulan ini diterajui oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri. Beberapa jabatan di daerah Besut terlibat dalam Projek Perintis ini iaitu:**

- a. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK);**
- b. Polis DiRaja Malaysia (PDRM);**
- c. Klinik Kesihatan;**
- d. Pejabat Daerah Besut;**

- e. **Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian, Kelantan; dan**
- f. **Pemimpin masyarakat**

**Melalui projek ini, penagih yang tampil secara sukarela atau dirujuk oleh pemimpin masyarakat atau Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) atau tangkapan PDRM dan AADK, akan dirujuk ke pejabat projek perintis. Maklumat penagihan mereka akan direkod dan dikategorikan seperti berikut:**

- a. **Penagih pil kuda atau methamphetamine.**
  - **Penagih ini perlu hadir ke pejabat projek perintis setiap minggu. Mereka akan diberikan kaunseling dan ujian air kencing akan dibuat oleh pegawai dan kakitangan AADK.**
- b. **Penagih dadah jenis opiat atau morfin.**
  - **Penagih ini perlu hadir ke klinik kesihatan berhampiran dengan tempat tinggal mereka untuk menjalani *Medically Assisted Therapy* iaitu, pengambilan methadon setiap hari.**
- c. **Penagih yang mengambil kedua-dua pil kuda dan dadah jenis opiat.**
  - **Penagih ini perlu hadir ke HUSM bagi pengambilan ubat-ubatan yang ditetapkan.**

**Bilangan keseluruhan penagih yang berdaftar di bawah Projek Perintis ini berjumlah 157 orang. Mengikut pecahan, 140 orang ditempatkan untuk menjalani rawatan dan pemulihan di fasiliti AADK di mana 69 orang hadir secara berterusan. 5 orang mendapatkan rawatan di klinik kesihatan dan daripada jumlah tersebut, 2 orang hadir secara berterusan, manakala 12 orang mendapatkan rawatan di HUSM dan daripada jumlah tersebut, seramai 10 orang hadir secara berterusan.**

**Daripada 69 orang klien yang hadir untuk sesi kaunseling di fasiliti AADK, keputusan ujian air kencing yang dijalankan secara berkala mendapati bahawa hanya 16 orang sahaja yang didapati tidak menggunakan dadah dan selebihnya masih menggunakan dadah.**

**Projek ini mendapat kerjasama dari semua pihak, sama ada daripada ahli keluarga, pemimpin masyarakat dan agensi-agensi kerajaan. Kerjasama ini adalah amat diperlukan dalam usaha memerangi dadah.**

**Walau bagaimanapun, cadangan untuk memperluaskan pelaksanaan projek ini masih lagi dalam peringkat penilaian, terutamanya daripada aspek keberkesanannya.**

**NO. SOALAN: 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9390**

**SOALAN:**

**Tuan Liew Chin Tong [ Kluang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik pembantu rumah luar negara (*domestic helpers*) di Malaysia dari tahun 2006 hingga 2016 mengikut pecahan negara.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman, Pembantu Rumah Asing (PRA) merujuk kepada pekerja wanita berumur antara 21 hingga 45 tahun yang memenuhi syarat-syarat tertentu dan dari negara sumber yang**

**dibenarkan. Bilangan PRA dari tahun 2006 hingga bulan Oktober 2016 adalah seramai 2,397,287 orang. Daripada jumlah tersebut, pecahan mengikut warganegara adalah seperti berikut:**

- i) Indonesia (1,853,068 orang);**
- ii) Filipina (219,765 orang);**
- iii) Kemboja (146,071 orang);**
- iv) China (100,490 orang);**
- v) Sri Lanka (53,901 orang);**
- vi) Vietnam (8,860 orang);**
- vii) India (6,249 orang);**
- viii) Thailand (4,011 orang);**
- ix) Myanmar (2,439 orang);**
- x) Nepal (838 orang);**
- xi) Bangladesh (747 orang);**
- xii) Pakistan (346 orang);**
- xiii) Laos (249 orang); dan**
- xiv) Lain-lain (253 orang).**

**Manakala bagi tempoh 1 Januari sehingga 31 Oktober 2016 terdapat seramai 136,213 orang PRA yang berkhidmat di Malaysia. Pecahan mengikut Negara adalah seperti berikut:**

- i) Indonesia (93,098 orang);**
- ii) Filipina (37,550 orang);**
- iii) Kemboja (2,320 orang);**
- iv) Sri Lanka (957 orang);**
- v) India (911 orang);**

- vi) Vietnam (551 orang);**
- vii) Thailand (330 orang);**
- viii) China (143 orang);**
- ix) Bangladesh (131 orang);**
- x) Myanmar (100 orang);**
- xi) Nepal (70 orang);**
- xii) Pakistan (35 orang); dan**
- xiii) Laos (17 orang).**

**Namun demikian, permohonan PRA warganegara Kemboja telah ditangguhkan berkuatkuasa mulai 30 Disember 2011. Selain itu, berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2013, permohonan PRA warganegara Indonesia melalui *Journey Perform* (JP) telah dimansuhkan.**

**Untuk makluman juga, bagi permohonan yang tidak memenuhi syarat seperti lelaki dan bukan dari negara sumber yang dibenarkan, permohonan perlu dikemukakan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi pertimbangan selanjutnya.**